

B// SEMINAR ROBOTIK ANJURAN PPK MEKATRONIK

Satu Seminar Robotik telah diadakan sempena dengan Pertandingan Rekacipta Piala Canselor KUKUM 2004 telah diadakan pada 13 Julai 2003 bertempat di Dewan Keikhlasan, Tingkat 9, Bangunan KWSP, Kangar, Perlis anjuran PPK Mekatronik. Ianya telah dirasmikan oleh Tuan Hj Rusli Abdul Hamid mewakili Prof Dr. Ali Yeon bin Md Shakaff, Timb. Rektor Akademik. Seramai 90 pelajar dan 10 guru pengiring dari 10 buah sekolah menengah negeri Perlis telah menghadiri seminar tersebut

Tujuan seminar ini adalah untuk memperkenalkan teknologi terkini robotik kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negeri Perlis. En Abu Hassan Abdullah telah membentangkan kertas kerja bertajuk '*Robot Basic*' yang mendedahkan para pelajar kepada teknik merekabentuk Robot. Ini diikuti oleh Forum 'Robotik Penjana Teknologi' dimana ahli-ahli panelnya terdiri daripada Dr. Zahurin bin Samad dari USM, Dr. Amir Akramin bin Shafie dari SIRIM dan En. Mohd Farizal Rajemi dari UUM. Forum dipengerusikan oleh En. Abu Hassan bin Abdullah.